



NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/68/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MEMBINA PONTOON DAN INFRASTRUKTUR JETI DI AYER 8,
PRESINT 8, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di dalam Gred G2: Kategori CE Pengkhususan CE02 (Pembinaan Jambatan dan Jeti) dan Pengkhususan CE03 (Pembinaan Struktur Merin) dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **29 JULAI 2024 (ISNIN), JAM 10.00 PAGI** di Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK**, dan **SPKK** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **29 JULAI 2024 (ISNIN)** hingga **1 OGOS 2024 (KHAMIS)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran berjumlah **RM10.00** boleh dibuat menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, MaybankQRPay & e-Wallet (TnGo, Boost, GrabPay) & Perbankan Internet Maybank, Bank Islam, CIMB, Ambank, JomPAY, Portal PPj/FPX.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **5 OGOS 2024 (ISNIN)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppi.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

Naib Presiden
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya